



**TUANKU MUHRIZ (dua dari kiri) memeriksa Kawalan Kehormatan Utama pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 Peringkat Negeri Sembilan di Seremban semalam.**

## 81 kontinjen sertai sambutan Hari Kebangsaan NS

**SEREMBAN** – Sambutan Hari Kebangsaan 2022 Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS), di sini semalam berlangsung meriah selepas dibanjiri orang ramai sejak pukul 6 pagi.

Turut berangkat mencemarduli pada majlis berkenaan, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir serta Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Keberangkatan baginda berdua disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sem-

bilan, Datuk Dr. Razali Ab. Malik.

Baginda tiba kira-kira pukul 8.15 juga disambut dengan lintas hormat helikopter jenis Agusta A109 LOH Tentera Udara Malaysia (TUDM) yang dikoordinasi Tentera Darat Malaysia dengan membawa Jalur Gemilang dan bendera Negeri Sembilan.

Sambutan kemudian dimulakan dengan Istiadat Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada tiga orang pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat dari Batalion Ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Muhammad Asyraf Nazarudin.

Istiadat tersebut turut diiringi oleh Pancaragam Gabungan Pusat Latihan Tentera Darat (Pus-

asda) dan dan Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Drum Major Sarjan Azuan Zakaria.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan ikrar Rukun Negara yang diketuai Menteri Besar, manakala doa dibacakan oleh Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad.

Seperti lazimnya, sambutan Hari Kebangsaan turut melibatkan acara perbarisan dan disertai sebanyak 81 kontinjen merangkumi 5,000 orang peserta terdiri jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan institut pengajian serta syarikat swasta.